

Metodologi Pentafsiran HAMKA Terhadap Ayat-Ayat Hukum dalam *Tafsir Al-Azhar*

*The Methodology of Quranic Exegesis by HAMKA on Jurisprudence Verses
in Tafsir al-Azhar*

Mohd Fazali Abdul Manas, Abd Rahman Abd Ghani & Mohd Noor Daud

*Universiti Pendidikan Sultan Idris
Mtqlubuk_katak@yahoo.com.my*

Abstrak

Tafsir al-Azhar adalah sebuah karya tafsir penting dalam bidang pengajian al-Quran. HAMKA seorang mufassir Nusantara telah menggunakan pelbagai metodologi pentafsiran dengan niat ingin memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakatnya mengenai wahyu Allah SWT. Kajian ini memfokuskan kepada metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum yang telah diaplikasi oleh HAMKA dalam kitab Tafsir al-Azhar. Bagi menjelaskan metodologi pentafsiran yang dilakukan oleh HAMKA, pengkaji telah membawa contoh-contoh ayat ibadah, muamalat, munakahat, dan jinayat. Metode kajian perpustakaan telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapat data-data kajian. Manakala metode induktif, deduktif, dan komparatif telah digunakan untuk menganalisis data-data tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa metodologi yang telah digunakan oleh HAMKA dalam karya Tafsir al-Azhar merangkumi metodologi tafsir bi al-ma'thur, metodologi tafsir bi al-ra'y, dan metodologi tafsir bi al-isyari. Namun, metodologi tafsir bi al-ma'thur lebih banyak digunakan oleh HAMKA berbanding metodologi yang lain.

Kata Kunci: Tafsir al-Azhar, Ayat-Ayat Hukum, HAMKA

Abstract

Tafsir al-Azhar is a great book of Quranic exegesis, which has significant impact on Quranic studies. HAMKA an important scholar in the Malay World had used several approaches in interpreting the message of the Quran with the intention of giving a clear understanding of Allah's message to the people. This study focuses on the method of Quranic exegesis that had been used by HAMKA. Therefore, this study focuses on HAMKA's method in Quranic exegesis an approaches on Quranic text related to Islamic jurisprudence in his work Tafsir al-Azhar. Thus, examples from several verses of jurisprudence that are related to ibadat (personal rituals), muamalat (Islamic transactions), munakahat (Islamic family law) as well as jinayat (Islamic criminal law) will be highlighted. Library research had been undertaken to gather data for this study. Inductive, deductive and comparative methods had been used for analysing data. The findings show that HAMKA, in his work of Tafsir al-Azhar, had used methodologies of tafsir bi al-ma'thur, tafsir bi al-ra'y as well as tafsir bi isyari. He, however, emphasized more on tafsir bi al-ma'thur as compared to other methods.

Key Word: Tafsir al-Azhar, jurisprudence terms of the Quran, HAMKA

Pengenalan

HAMKA adalah tokoh *mufassir* Nusantara yang telah menyumbang terhadap bidang tafsir al-Quran menerusi karya *Tafsir al-Azhar*. Keistimewaan *Tafsir al-Azhar* dapat dilihat menerusi metodologi penulisan dan pentafsirannya (Mazlan Ibrahim et al., 2013). Menerusi artikel ini, pengkaji akan meneliti metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum yang telah diaplikasi oleh HAMKA. Artikel ini hanya memfokuskan metodologi *tafsir bi ma'thur*, metodologi *tafsir bi al-ra'y*, dan metodologi *tafsir bi isyari*.

Biografi HAMKA dan *Tafsir Al-Azhar*

Abdul Rauf (Abdul Rauf, 2013) menyatakan bahwa HAMKA dilahirkan pada tahun 1908 di Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia. HAMKA telah meninggal dunia di Jakarta pada tahun 1981 akibat penyakit diabetes yang dihadapinya. Menerusi penelitian pengkaji, HAMKA telah memberi pelbagai sumbangan yang sangat berharga kepada umat Islam di Nusantara. Antara sumbangan beliau ialah sumbangan sebagai seorang pendidik, sumbangan sebagai pendakwah, sumbangan sebagai penggerak organisasi masyarakat, sumbangan sebagai imam Masjid, sumbangan sebagai wartawan, sumbangan sebagai pejuang kemerdekaan, sumbangan sebagai pegawai kerajaan, dan sumbangan sebagai pengarang.

Tafsir al-Azhar telah menjadikan HAMKA terkenal sebagai seorang *mufassir* Nusantara yang dihormati oleh para sarjana. Kehadiran karya ini telah mengangkat darjatnya sebagai pengarang yang terulung dalam bidang tafsir al-Quran. Menurut Abdul Rauf (2013), sejarah awal penulisan *Tafsir al-Azhar* adalah bermula dari pengajian kuliah Subuh yang disampaikan oleh HAMKA di Masjid Agung al-Azhar pada tahun 1958. Pada peringkat awal HAMKA mentafsirkan surah al-Kahfi kepada para jemaah di masjid tersebut dan isi kandungannya telah diterbitkan oleh majalah *Gema Islam*. Semenjak itu, beliau telah menamakan tafsir tersebut dengan *Tafsir al-Azhar*. Hal ini disebabkan dua perkara, iaitu tempat pengajian ini adalah di Masjid Agung al-Azhar, kedua beliau sendiri telah menerima Doktor Kehormat Universiti al-Azhar. Pengajian dan penulisan *Tafsir al-Azhar* berjalan seiring sejak itu. Pada tahun 1964 beliau telah ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia atas dakwaan politik. Menurut Rusydi (2007), ayahnya ditahan pada waktu pagi selepas ceramah agama untuk kaum wanita di Masjid Agung al-Azhar. Ketika berada di penjara selama dua tahun empat bulan HAMKA berjaya menyiapkan penulisan 30 juzuk *Tafsir al-Azhar*.

Metodologi Pentafsiran HAMKA Terhadap Ayat-Ayat Hukum

Ayat-ayat hukum yang berkaitan dengan ayat ibadah, ayat muamalat, ayat munakahat, dan ayat jinayat menjadi fokus pengkaji untuk mengetahui metodologi pentafsiran yang diaplikasi oleh HAMKA. Oleh itu, kajian ini memilih ayat-ayat hukum tertentu untuk menjelaskan metodologi yang telah diaplikasi oleh HAMKA berdasarkan metodologi *tafsir bi al-ma'thur*, metodologi *tafsir bi al-ra'y*, dan metodologi *tafsir bi al-isyari*.

1. Mengaplikasi Metodologi *Tafsir bi al-Ma'thur*

Metodologi *tafsir bi al-ma'thur* telah diaplikasi oleh HAMKA ketika mentafsirkan sebahagian ayat-ayat hukum di dalam *Tafsir al-Azhar*. Oleh itu, dalam subtajuk ini, pengkaji akan mendatangkan beberapa contoh metodologi pentafsiran tersebut.

i. Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an

HAMKA (HAMKA, 1985) telah mentafsirkan ayat pertama dari surah al-Talaq mengenai idah dengan menyatakan bahawa asas pensyariatan idah ialah untuk mengetahui status perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya sama ada sedang mengandung atau tiada. Firman Allah SWT:-

Maksudnya: "Wahai Nabi! Apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu, maka talaklah mereka itu untuk idahnya dan hitunglah idah itu."

(Surah al-Talaq: 1)

Menurutnya lagi, pensyariatan tempoh idah juga adalah untuk memastikan bahawa perempuan tersebut tidak berada di dalam kesusahan kerana menanti tempoh yang tidak menentu. Justeru, HAMKA (HAMKA, 1985) menyatakan bahawa lelaki yang ingin

menceraikan isterinya mesti menceraikan dalam waktu perempuan tersebut suci dan tidak disetujui oleh suami kerana penceraian seumpama ini adalah dikira sebagai talak sunnah dan bukan talak *bid'ah*.

Oleh itu, untuk mengetahui status perempuan yang diceraikan oleh suami itu adalah menerusi tempoh idah yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Bagi menyempurnakan pentafsiran mengenai idah HAMKA telah mendatangkan ayat yang ke 228 dari surah al-Baqarah, iaitu firman Allah SWT:

Maksudnya: "Dan perempuan yang ditalak hendaklah menunggukan dirinya tiga quru'..."

(Surah al-Baqarah: 228)

Menurutnya, menerusi ayat ini tempoh idah iaitu tiga quru' dapat menentukan sama ada perempuan yang diceraikan oleh suaminya mengandung atau tiada. Menerusi penelitian pengkaji, al-Syanqiti juga (t.t) mentafsirkan ayat 1 surah al-Talaq seumpama pentafsiran HAMKA. Manakala sebahagian *mufassir* tidak mendatangkan ayat 228 dari surah al-Baqarah ketika menjelaskan makna "maka talaklah mereka itu untuk idahnya". Hal ini boleh dilihat kepada pentafsiran al-Tabari (1979), al-Suyuti (2003), Ibn Kathir (2000), al-Syawkani (1998), al-Maraghi (1998), dan lain-lain. Ringkasnya, metodologi pentafsiran yang dikemukakan oleh HAMKA terhadap pentafsiran ayat 1 surah al-Talaq adalah metodologi tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an.

Selain ayat tersebut, terdapat beberapa ayat-ayat hukum yang lain telah diaplikasi oleh HAMKA menerusi metodologi tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an. Sebagai contoh ketika HAMKA mentafsirkan ayat 2 surah al-Nur mengenai zina beliau telah mendatangkan ayat 68 surah al-Furqan dan ayat 32 surah al-Isra' bagi menjelaskan hukum zina (HAMKA, 1985). Manakala ayat 32 surah al-Isra' yang berkaitan dengan zina juga HAMKA merujuk kepada ayat 33 surah al-Nisa' dan ayat 23 dan 27 dari surah al-Nur bagi menjelaskan hukum tersebut (HAMKA, 1985). Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa tafsir al-Quran dengan al-Quran menjadi metodologi HAMKA terhadap pentafsiran sebahagian daripada ayat-ayat hukum.

ii. Tafsir al-Qur'an dengan Hadith

Ayat 1 dari surah al-Maidah mendapat perhatian pengkaji untuk meneliti metodologi pentafsiran ayat al-Qur'an dengan hadith Nabi SAW yang dilakukan oleh Prof. HAMKA. Ayat tersebut ialah:-

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Sempurnakan 'Uqud..."

(Surah al-Maidah: 1)

Menurut HAMKA (1985), perkataan '*uqud* adalah umum yang melengkapkan kesemua jenis perjanjian sama ada antara manusia dengan Allah SWT atau antara manusia sesama manusia. Orang yang beriman wajib menunaikan semua jenis perjanjiannya dengan Allah SWT. Manakala perjanjiannya sesama manusia adalah menerusi surat-surat perjanjian terdapat tandatangan bersama-sama. Surat perjanjian tersebut mempunyai nilai kehormatan yang wajib dipatuhi oleh mereka. Jika gagal mematuhi perjanjian-perjanjian yang telah disepakati bersama akan menyebabkan perbuatan tersebut terkeluar daripada ciri-ciri orang yang beriman. Menurut HAMKA, jenis perjanjian-perjanjian tersebut tertakluk kepada perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak. Sekiranya jenis perjanjian-perjanjian tersebut menyalahi syarak maka jenis perjanjian-perjanjian terbatal. Justeru, HAMKA memetik sebuah hadith bagi menjelaskan prinsip jenis perjanjian-perjanjian yang dibolehkan oleh syarak. Menerusi riwayat Abu Dawud (1998), Nabi SAW bersabda:

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا أَحْلَى حَرَامًا أَوْ حَرَّمَ حَلَالًا وَ الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ

Maksudnya: Suatu perdamaian (persesuaian) di antara sesama Muslim adalah jaiz (dibolehkan), kecuali suatu perjanjian yang menghalalkan yang haram, atau mengharamkan yang halal. Dan orang-orang Muslim itu bergantung kepada syarat-syarat yang mereka bina sendiri.

(Abu Dawud, 1998, Sunan Abu Dawud, No. 3594, jil. 3, h. 395)

HAMKA turut memperkatakan antara *'uqud* yang paling penting dalam hidup orang yang beriman ialah akad nikah. Oleh itu, pengantin perempuan boleh meletakkan syarat-syarat tertentu untuk kemaslahatan dirinya sebelum diijab kabul oleh pengantin lelaki. Ini disebabkan ijab kabul dalam pernikahan telah menghalalkan faraj seorang perempuan untuk digauli oleh seorang lelaki. Penjelasan ini berpandukan hadith Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

Maksudnya: Sesungguhnya syarat-syarat yang lebih penting (dari yang lain-lain) untuk dipenuhi ialah syarat-syarat untuk menghalalkan faraj.

(al-Bukhari, 2000, Sahih Bukhari, No. 5151, jil. 3, h. 354)

Selain itu, HAMKA juga telah memperdalam huraian ayat 1 surah al-Maidah dengan mendatangkan sirah Nabi SAW. Menurutnya, Nabi SAW pernah membuat dua perjanjian bersama golongan bukan Islam menerusi perjanjian Hudaibiyah dengan kaum Quraisy dan piagam Madinah dengan kaum Yahudi. Nabi SAW tetap berpegang teguh dengan perjanjian tersebut sehingga kaum Quraisy sendiri yang melanggar perjanjian itu setelah berlalu satu tahun setengah. Begitu juga dengan Yahudi apabila Bani Quraizah telah bersekongkol bersama kaum Quraisy berperang dengan Nabi SAW, lalu perjanjian tersebut terbatal. Menerusi penelitian ini, metodologi tafsir ayat al-Qur'an dengan hadith yang digunakan oleh HAMKA menyamai metodologi kebanyakan *mufassir* yang lain.

iii. Tafsir al-Quran dengan *Athar*

Terdapat sebahagian ayat hukum yang telah ditafsirkan oleh HAMKA dengan *athar* sahabat RA. Oleh itu, pengkaji akan memfokuskan ayat 60 dari surah al-Tawbah iaitu berkaitan dengan penerima zakat dalam kategori *muallaf*. Secara umumnya kategori *muallaf* ini ada dua jenis, iaitu; muslim dan bukan muslim. Menurut HAMKA (1985), pengagihan harta zakat kategori *muallaf* telah terhenti semenjak zaman Abu Bakar RA. Hal ini berlaku kerana Umar RA telah menolak untuk memberi zakat kepada Uyainah bin Hasan dan al-Aqra' bin Habis. Mereka berdua telah datang berjumpa dengan Umar RA dengan membawa surat dari Abu Bakar RA untuk mendapatkan harta zakat kategori *muallaf*. Lalu Umar RA menolak permohonan mereka dan mengoyak surat tersebut. Ekoran daripada itu, Uyainah bin Hasan dan al-Aqra' bin Habis kembali berjumpa dengan Abu Bakar RA dan menceritakan kedudukan yang sebenar. Lalu Abu Bakar RA menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh Umar RA adalah benar dan beliau berhak berbuat demikian.

Menurut HAMKA (1985), peristiwa ini menjadi dalil kepada Imam Abu Hanifah dan Imam Syafe'i bahawa kategori *muallaf* sudah tiada lagi. Namun begitu, mereka berdua tidak pernah menyatakan ayat ini telah mansukh dengan tindakan Umar RA tersebut. Menurut HAMKA lagi, tidak terdapat dari kalangan sarjana yang menyatakan ayat ini telah mansukh. Pandangan ini dikira baik kerana agama Islam itu berkembang. Justeru itu, apa yang dilakukan oleh Umar RA boleh dijadikan sebagai pengajaran dan dasar hukum mengenai pemberian zakat kategori *muallaf*. Dalam hal ini, pemberian zakat kepada golongan ini masih boleh diamalkan kepada mereka yang mendekati Islam. Abdul Halim (2011) dan Zulkifli Mohd Yusoff (2011) menyokong pandangan HAMKA tersebut. As-Shiddieqy (2011) menambah bahawa pemberian zakat kategori *muallaf* terserah kepada kemaslahatan pemerintah seumpama pemberian zakat kepada kategori hamba (*al-Riqab*). Menurutnya, walaupun zaman sekarang tiada hamba (*al-Riqab*), namun hukum tetap ada. Oleh itu, HAMKA menyimpulkan bahawa hukum pemberian zakat terhadap kategori *muallaf* tidak terbatal sebagaimana berlaku pada zaman Umar RA. HAMKA menambah pandangannya mengenai kebajikan *muallaf* iaitu;

sekiranya seorang *muallaf* masih belum setabil kedudukan ekonominya setelah lama beragama Islam beliau hanya layak menerima zakat bahagian fakir atau miskin bukan kategori *muallaf* lagi.

2. Mengaplikasi Metodologi *Tafsir bi al-Ra'y*

Metodologi *tafsir bi al-ra'y* telah diaplikasi oleh HAMKA ketika mentafsirkan sebahagian ayat-ayat hukum di dalam *Tafsir al-Azhar*. Oleh itu, dalam subtajuk ini, pengkaji akan menandatangani beberapa contoh metodologi pentafsiran tersebut.

i. Menghuraikan aspek bahasa Arab

Al-Quran al-Karim diturunkan oleh Allah SWT menerusi Jibril AS kepada Nabi SAW adalah dalam bahasa Arab (al-Zarkasyi, t.t). Oleh itu, pentafsirannya menuntut kepada penjelasan dari aspek bahasa bagi memahami secara tepat makna ayat-ayat Allah SWT. Menurut al-Zarqani (1995), iltizam dengan prinsip bahasa Arab menjadi syarat utama untuk mentafsirkan al-Quran. Hal ini diakui oleh Khalid al-'ik, (1986), Manna' al-Qahtan, (2000), al-Dhahabi, (t.t), dan lain-lain yang meletakkan syarat bagi seorang *mufasssir* itu ialah memahami bahasa Arab.

HAMKA menerusi *Tafsir al-Azhar* telah mengaplikasi bahasa Arab untuk menghuraikan beberapa kalimah yang terdapat di dalam ayat-ayat hukum. Antara contoh ayat hukum yang menarik perhatian HAMKA ialah kalimah *siyam*. Firman Allah SWT seperti terdapat pada ayat 183 dari surah al-Baqarah:

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman!, diwajibkan kepada kamu puasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu menjadi orang yang bertakwa".

(Surah al-Baqarah: 183)

HAMKA (1985) telah menjelaskan perkataan *siyam* yang terdapat di dalam ayat hukum puasa tersebut dari aspek bahasa Arab. Menurutnya, *siyam* atau *saym* dari aspek bahasa membawa erti menahan. Definisi pengertian ini adalah dari aspek bahasa Arab yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Manakala terjemahan *siyam* ke dalam bahasa Melayu, HAMKA telah menjelaskan pula sebagai puasa. Menurutnya, apabila nenek moyang orang Melayu memeluk Islam perkataan *siyam* telah digantikan dengan perkataan puasa.

Bagi mendapat penjelasan yang mendalam mengenai makna *siyam* ia telah mengheret HAMKA kepada huraian dari aspek bahasa syarak. Menurutnya, *siyam* dari aspek syarak bermaksud menahan diri dari makan, minum, dan bersetubuh antara suami dengan isteri bermula dari waktu fajar hingga sampai Maghrib kerana menjunjung perintah Allah SWT. Menerusi definisi ini, ia telah melengkapkan makna kalimah *siyam* dari aspek bahasa. Walaupun tiada huraian yang panjang mengenai definisi yang dibuat oleh HAMKA tetapi ia telah memberi suatu gambaran yang jelas mengenai ibadah berpuasa.

Menerusi penelitian ini, pengkaji mendapati bahawa aspek bahasa Arab telah digunakan oleh HAMKA terhadap pentafsiran ayat hukum puasa. Justeru, aspek bahasa Arab telah memainkan peranan yang penting dalam *Tafsir al-Azhar* sehingga dapat memberi suatu penjelasan yang menarik terhadap pentafsiran ayat hukum.

ii. Mendatangkan pandangan ulama fiqh

Al-Dhahabi (2000) menjelaskan bahawa terdapat dua aliran pegangan *mufasssir* dalam pentafsiran berkaitan ayat-ayat hukum iaitu golongan yang fanatik mazhab dan golongan yang tidak fanatik mazhab. Justeru, seorang *mufasssir* yang fanatik kepada mazhabnya akan menjelaskan ayat-ayat hukum berdasarkan aliran mazhabnya. Manakala *mufasssir* yang tidak fanatik kepada mazhabnya akan memetik hujah-hujah ahli fiqh semua mazhab kemudian beliau akan menganalisis semua pandangan ahli fiqh tersebut dan satu kesimpulan yang menepati kehendak ayat hukum akan dibuat.

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati HAMKA cenderung kepada aliran yang tidak fanatik mazhab ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum. Dalam hal ini, beliau akan merujuk pandangan ulama fiqh serta fatwa semasa ketika menjelaskan beberapa ayat hukum. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat 3 dari surah al-Mujadalah beliau telah memetik pandangan ahli fiqh dan fatwa semasa bagi menjelaskan pengertian ayat tersebut. Firman Allah SWT:-

Maksudnya: “Dan orang-orang yang menzihar terhadap kepada setengah dari isteri-isteri mereka, kemudian mereka itu hendak menarik bagi apa yang pernah mereka ucapkan itu, maka hendaklah merdekakan seorang budak sebelum keduanya bersentuh-sentuhan. Demikianlah kamu diberi pengajaran dengan dia. Dan Allah terhadap apa-apa pun yang kamu kerjakan adalah Maha Tahu”.

(Surah al-Mujadalah: 3)

Ketika mentafsirkan ayat ini, HAMKA (1985) telah mengemukakan pandangan Imam Syafi’i, Imam Ahmad, dan Imam Malik mengenai makna ayat yang bermaksud “menarik apa yang mereka ucapkan itu”. Menurut Imam Syafi’i berpendapat maksud ayat ini ialah suami menyesal di atas perbuatan menziharkan isterinya, lalu ingin menarik kembali perkataannya. Imam Malik menyatakan bahawa ayat ini menjelaskan bahawa suami ingin kembali menyentuh isterinya. HAMKA menyatakan bahawa maksud Imam Malik ialah suami ingin bersetubuh dengan isterinya kerana menyentuh itu sebagai permulaan kepada bersetubuh.

Pandangan Imam Malik ini telah mendapat persetujuan Imam Ahmad yang menyatakan bahawa ayat tersebut bermaksud suami ingin kembali bersetubuh dengan isteri yang telah ia menziharkan. Justeru, berdasarkan huraian ayat di atas pandangan Imam Malik dan Imam Ahmad pada asasnya adalah sama, iaitu setiap suami yang menziharkan isterinya kemudian ingin kembali bersetubuh maka wajib ke atasnya kifarah zihar. Manakala Imam Syafi’i pula tidak mensyaratkan ingin bersetubuh, tetapi jika wujud dalam diri suami satu penyesalan di atas terlanjur katanya, maka menjadi kewajipan ke atasnya kifarah zihar.

iii. Menghuraikan aspek saintifik

Ilmu pentafsiran al-Quran berkembang sejajar dengan perkembangan ilmu. Oleh itu, terdapat di kalangan *mufassir* yang cenderung mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan aspek saintifik. Menurut Mazlan Ibrahim (2002), aspek saintifik dalam pentafsiran al-Qur’an lebih memfokuskan kepada ayat-ayat *kawniyat*. Kajian Selamat Amer (2012) menunjukkan bahawa aspek saintifik dalam pentafsiran al-Quran merangkumi aspek sains alam semesta, penciptaan manusia, dan perubatan. Andi Rosadisastra (2007) pula menyatakan bahawa aspek saintifik dalam pentafsiran al-Quran merujuk kepada aspek alam semesta dan aspek sosial. Justeru, aspek saintifik dalam pentafsiran al-Quran telah mewarnai pelbagai bidang sains dan berkembang mengikut keperluan semasa.

Setakat kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati HAMKA cenderung mentafsirkan aspek sains kesihatan terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum berbanding aspek sains astronomi, biologi, oseanografi, dan sebagainya. Sebagai contoh menerusi ayat 219 dari surah al-Baqarah HAMKA telah membahaskan aspek sains kesihatan mengenai kemudaratan akibat meminum arak. Firman Allah SWT:-

Maksudnya: “Mereka bertanya kepada engkau dari hal minuman keras dan perjudian. Katakanlah: Pada kedua-duanya itu ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia. Tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaat keduanya. Dan mereka bertanya kepada engkau dari hal apa yang mereka belanjakan. Katakanlah: Kelebihan dari yang perlu. Demikianlah Allah telah menjelaskan kepada kamu akan ayat-ayat supaya kamu berfikir”.

(Surah al-Baqarah: 219)

Menerusi ayat ini, HAMKA (1985) telah menjelaskan berkaitan kemudaratannya yang terdapat pada arak lebih banyak dari manfaatnya. Menurutnya, orang yang minum arak akan menyebabkan kerosakan jasmani dan rohani bahkan jantung mereka juga akan rosak. Kemudaratannya arak juga menyebabkan peminumnya akan hilang kawalan akalannya. Hal ini berlaku kerana pengaruh alkohol ke dalam tubuh seseorang yang minum arak tersebut (Muhammad Nizar al-Daqr, 1997). Ketika seseorang itu minum arak sampai mabuk akan hilang sifat mulia seorang manusia sehingga boleh membawa kepada mencarut, memaki hamun, memukul orang, dan membunuh. Justeru, kemudaratannya hasil dari minum arak boleh menyebabkan kesihatan fizikal dan mental.

Menerusi penelitian ini, pengkaji mendapati bahawa HAMKA cenderung mentafsirkan ayat-ayat hukum dari aspek sains kesihatan seperti ayat 219 surah al-Baqarah. Aspek ini juga mendapat perhatian HAMKA ketika mentafsirkan ayat 32 surah al-Isra' mengenai perbuatan zina yang menyebabkan penyakit sifilis dan penyakit gonorea (HAMKA, 1985). Penjelasan ini membuktikan bahawa aspek saintifik merupakan antara metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum yang digunakan oleh HAMKA.

iv. Menjelaskan aspek maqasid syariah

Setiap hukum yang menjadi peraturan hidup manusia mempunyai objektif untuk kebaikan manusia dan menghindari mereka dari keburukan. Oleh itu, al-Ghazali (t.t), 'Izz al-Din 'Abd al-Salam (1998), Ibn Qayyim (1968), al-Syatibi (t.t), Ibn 'Asyur (2011), al-Dihlawi (1999), dan lain-lain menyatakan bahawa setiap hukum syarak mempunyai objektif yang mendatangkan manfaat dan menjauhkan mudarat kepada manusia sama ada di dunia dan akhirat.

HAMKA mempunyai kecenderungan untuk menjelaskan ayat-ayat hukum dari aspek maqasid syariah. Ini dapat dibuktikan ketika beliau menjelaskan hukum bertayamum seperti terdapat pada ayat 43 dari surah al-Nisa'. Firman Allah SWT:

Maksudnya: ...Dan jika kamu dalam keadaan sakit atau tengah dalam perjalanan atau datang seorang daripada kamu dari buang air atau menyentuh kamu akan perempuan-perempuan sedang kamu tidak mendapati air maka hendaklah cari tanah yang bersih maka sapulah muka kamu dan tangan kamu...

(Surah al-Nisa' : 43)

Menerusi ayat di atas, HAMKA (1985) telah menjelaskan bahawa bertayamum adalah *rukhsah* kepada mereka yang tidak mempunyai air atau tidak mampu menggunakan air. Menurutnya, bertayamum bagi mereka yang tidak mampu menggunakan air boleh menghindarkan kemudaratannya. Ini disebabkan jika seseorang itu menggunakan air barangkali boleh membawa kematian. Bagi menguatkan hujah ini, HAMKA telah mendatangkan satu riwayat yang menunjukkan bahawa seorang sahabat RA telah meninggal dunia kerana menggunakan air untuk mandi junub (Abu Dawud, 1998).

Menurut al-Ghazali (t.t), memelihara nyawa merupakan perkara asas yang mempunyai hubungan yang kuat dengan maqasid syariah. Pensyariatannya tayamum menjadi *rukhsah* bagi seseorang yang tidak mampu menggunakan air sama ada untuk mandi junub atau berwuduk. Dalam hal ini, bertayamum telah menjadi jalan keluar bagi memelihara seseorang itu daripada ditimpa oleh kemudaratannya. Justeru, HAMKA telah memberi suatu huraian yang jelas mengenai aspek maqasid syariah berkaitan hukum bertayamum.

Selain itu, HAMKA juga mengaitkan hukum tayamum dari aspek *taysir* iaitu satu kemudahan syariat kepada umat Islam untuk beribadah. Aspek ini berkait rapat dengan maqasid syariah dalam hal-hal yang berkait dengan ibadah. Menurut Ibn 'Asyur (2011), aspek *taysir* menjadi asas syariat Islam dan ianya merupakan kehendak fitrah manusia. Aspek *taysir* adalah lorong maqasid syariah untuk seseorang hamba Allah SWT melaksanakan ibadah dengan sempurna.

v. Mengemukakan pandangan sendiri

Masa dan suasana tempat memberi kesan yang mendalam terhadap seorang *mufassir* untuk menghuraikan ayat-ayat hukum. Hal ini disebabkan oleh perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, setiap *mufassir* akan berusaha menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan fikiran dan ideanya sendiri menerusi ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai kaitan dengan sesuatu isu. Menurut 'Abd al-Karim al-Turi (2009), seseorang itu layak menjelaskan ayat al-Quran menurut pandangannya sendiri setelah mendapat pertunjuk Allah SWT bagi menyelesaikan permasalahan semasa. Menurutnya lagi, ini menunjukkan bahawasanya al-Quran sesuai setiap zaman dan tempat.

HAMKA (1985) telah mengemukakan suatu idea bagi menyelesaikan masalah riba yang telah melanda masyarakat Islam di Indonesia khasnya menerusi aktiviti bank. Menurutnya, umat Islam terperangkap dalam agenda ekonomi Yahudi yang mengamalkan riba. Sepatutnya umat Islam telah keluar dari cengkaman ekonomi berasaskan riba kepada ekonomi Islam. Menurutnya lagi, umat Islam wajib yakin dengan kemampuan sistem ekonomi Islam bagi mengatasi masalah riba.

Oleh itu, HAMKA telah mengemukakan pandangan supaya negara umat Islam mewujudkan sebuah bank yang dinamai sebagai Bank Sedekah. Menurutnya, modal perniagaan bank ini adalah hasil kutipan wang zakat bahagian *fi sabil Allah*. Bank ini berfungsi memberi pinjaman kepada peminjam yang memerlukan modal dan sebagainya. Keuntungan bank ini berasaskan faedah yang sedikit sebagai cas perkhidmatan boleh digunakan semula untuk kerja-kerja *fi sabil Allah*.

Idea asal HAMKA ini adalah hasil lontaran buah fikiran pemimpin Sarekat Islam iaitu H.O.S Tjokroaminoto (Dadan Wildan, 2000). Idea yang baik ini telah berjaya menarik perhatian HAMKA bagi menjelaskan ayat 278, 279, 280, dan 281 dari surah al-Baqarah. Justeru, pandangan dan idea HAMKA bagi mengatasi masalah riba yang menimpa masyarakat Islam pada zamannya telah menarik perhatian beliau bagi menjelaskan ayat hukum seperti terdapat pada ayat 278, 279, 280, dan 281 dari surah al-Baqarah tersebut.

3. Mengaplikasi Metodologi *Tafsir bi al-Isyari*

Terdapat perselisihan di kalangan ulama mengenai keharusan menggunakan metodologi *tafsir bi al-isyari* dalam pentafsiran al-Quran. Menurut al-Zarqani (1995) dan al-Sabuni (2003), ulama yang mengharuskan *tafsir bi al-isyari* telah meletakkan beberapa syarat yang ketat supaya pentafsiran tersebut tidak menyeleweng kepada aliran *wahdah al-wujud* dan *syi'ah batiniyyah isma'iliyyah*. Manakala pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan aspek akhlak, takwa, warak, zuhud, dan sebagainya tidak mendapat bantahan daripada kalangan ulama. Menurut Manna' Qattan (2000) tiada permasalahan di kalangan ulama untuk membolehkan tafsir sufi yang menekankan aspek pembersihan jiwa atau yang mempunyai hubungan dengan sifat takwa dan warak.

Menerusi penelitian pengkaji, HAMKA cenderung mentafsirkan beberapa ayat hukum dalam *Tafsir al-Azhar* berdasarkan tafsir sufi yang menekankan aspek akhlak. Kajian Abdul Rauf (2013) mendapati bahawa *Tafsir al-Azhar* cenderung kepada tafsir sufi akhlaqi atau neo-sufisme. Menurutnya, objektif tafsir tasawuf akhlaqi lebih fokus kepada budi bahasa dan akhlak mulia iaitu membuat suatu perubahan dari sikap buruk kepada baik. Gagasan ini dapat diperhatikan menerusi pentafsiran ayat hukum ibadah mengenai haji yang terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 197. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Haji itu adalah beberapa bulan yang telah dimaklumi. Maka barangsiapa yang memerlukan dirinya berhaji di bulan-bulan itu, maka sekali-kali tidak boleh rafats (bercakap kotor) dan tidak boleh fusuq dan tidak boleh berbantah di dalam haji. Dan apa pun kebaikan yang kamu perbuat, Allah mengetahuinya dan bersiap-bekallah kamu. Maka sesungguhnya bekal yang sebaik-baiknya ialah takwa. Dan takwalah kepadaKu, wahai orang-orang yang berfikir".

(Surah al-Baqarah: 197)

HAMKA (1985) menjelaskan *rafith*, *fusuq*, dan *jidat* dalam ayat di atas dengan menyatakan bahawa kelakuan tersebut bukan dari akhlak seorang mukmin yang sedang mengerjakan ibadah haji. Dalam majlis yang mulia seumpama ini sikap yang menunjukkan kurang budi seperti mengejek, bertengkar, dan ingin bersetubuh dengan isteri seharusnya dielakkan. Menurutnyanya, sepatutnya seseorang yang sedang mengerjakan haji mengingati kematian dan mengingati dirinya seolah-olah berada di padang mahsyar berhadapan dengan tuhan. Justeru, tiga jenis perbuatan tersebut tidak wajar dilakukan oleh seseorang yang mengerjakan haji kerana tujuan ibadah tersebut adalah untuk membangun rasa takwa dalam jiwa.

Bukan suatu perkara yang asing apabila HAMKA memberi penjelasan mengenai aspek akhlak seorang mukmin ketika melakukan ibadah haji kepada Allah SWT menerusi ayat tersebut. Hal ini disebabkan al-Razi (1981), Zamakhsyari (1998), dan Rasyid Rida (t.t) juga menyentuh aspek pembinaan akhlak dalam ibadah haji. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa HAMKA telah mengaplikasikan tafsir sufi akhlaqi ketika mentafsirkan ayat hukum ibadah. Penjelasan terhadap ayat hukum seumpama ini telah meletakkan pemikiran beliau sebagai seorang *mufassir* yang mempunyai kecenderungan kepada aliran tasawuf Islam moden. Justeru, *Tafsir al-Azhar* telah memaparkan pentafsiran ayat hukum yang signifikan kepada perkembangan tasawuf moden dalam dunia Islam di alam Melayu.

Kesimpulan

HAMKA seorang *mufassir* yang diiktiraf oleh umat Islam di alam Melayu. Menerusi karya *Tafsir al-Azhar* beliau telah memberi sumbangan idea kepada perkembangan pengajian tafsir al-Quran di alam Melayu. Metodologi penulisan dan pentafsirannya telah mendapat pengiktirafan oleh para sarjana.

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa HAMKA telah mengaplikasikan metodologi *tafsir bi al-ma'thur*, *tafsir bi al-ra'y*, dan *tafsir bi al-isyari* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum. Terdapat para sarjana menyatakan bahawa *Tafsir al-Azhar* ini secara amnya dalam kategori *tafsir bi al-ra'y*. Hal ini disebabkan metodologi pentafsiran HAMKA hampir menyamai *Tafsir al-Manar*, *Tafsir al-Maraghi*, dan *Tafsir Mahasin al-Ta'wil* (Sidek Baba at el., 2008). Namun begitu, pada pengamatan pengkaji pengaruh metodologi *tafsir bi al-ma'thur* khususnya tafsir al-Quran dengan hadith lebih menonjol dari *tafsir bi al-ra'y* dan *tafsir bi al-isyari* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum. Menurut Mazlan Ibrahim (Mazlan Ibrahim, 2013) metodologi *tafsir bi al-ma'thur* banyak mencorak pentafsiran *Tafsir al-Azhar*. Justeru itu, setakat kajian ini dijalankan, metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum (tidak termasuk ayat-ayat bukan hukum) yang diaplikasi oleh HAMKA cenderung kepada metodologi *tafsir bi al-ma'thur*.

Rujukan

- Abdul Halim Hasan. (2011). *Tafsir al-Ahkam*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Abdul Rauf. (2013). *Tafsir al-Azhar: Dimensi Tasawuf Hamka*. Selangor: Piagam Intan Sdn. Bhd..
- Andi Rosadisastra. (2007). *Metode Tafsir Ayat-Ayat Sains Dan Sosial*. Jakarta: Amzah.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (t.t). *Sahih al-Bukhari*. Jil. 3. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Dadan Wildan. (2000). *Pasang Surut Gerakan Pembaharuan Islam Di Indonesia*. Bandung: Pusat Penelitian dan Pengembangan PP.
- al-Daqr, Muhammad Nizar. (1997). *Rawai' al-Tib al-Islami*. Syiria: Dar al-Ma'ajim.
- al-Dhahabi, Muhammad Husyan. (1981). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Yusuf.
- al-Dhahabi, Muhammad Husyan. (t.t). *'Ilm al-Tafsir*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Dihlawi, Ahmad bin Ibrahim. (1999). *Hujjah Allah al-Balighah*. Jil. 2. Riyad: Maktabah al-Kawthar.
- al-Dimasyqi, 'Abd al-'Aziz bin 'Abd al-Salam. (1998). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Muassah al-Rayyan.
- al-Dimasyqi, Muhammad bin Abi Bakr. (1968). *I'lam al-Muwaqi'in 'An Rabb al-'Alamin*. Jil. 2. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (t.t). *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.

- Hamka. (1985). *Tafsir al-Azhar*. Jil. 1, 2, 5, 6, 15, 17, 27. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir. (2011). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Ibn Kathir, Isma'il. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 1, 14. Kaherah: Muassah Qurtubah.
- al-'Ik, Khalid 'Abd Rahman. (1986). *Usul Tafsir wa Qawa'iduh*. Beirut: Dar al-Nafais.
- al-Maraghi, Ahmad bin al-Mustafa. (1998). *Tafsir al-Maraghi*. Jil. 1, 10. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mazlan Ibrahim *et al.*. (2013). *Pengenalan Tokoh-Tokoh Dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazlan Ibrahim. (2002). *Sejarah Dan Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn. Bhd..
- Muhammad Hasbi as-Shiddieqy. (2011). *Tafsir al-Qur'an al-Majid an-Nur*. Jil. 2. (Jakarta: Cakrawala Publishing.
- al-Qatan, Manna'. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Razi, Muhammad bin 'Umar. (1981). *Tafsir al-Fakr al-Razi*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rida, Muhammad Rasyid bin 'Ali. (t.t). *Tafsir al-Manar*. Jil. 2, 7. Kaherah: Dar al-Manar.
- Rusydi Hamka. (2010). *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu*. Selangor: Pustaka Dini.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (2003). *al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Sajistani, Sulayman bin al-Asy'ath. (1998). *Sunan Abu Dawud*. Jil. 3. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Selamat Amer *at el.*. (2012). *Aplikasi Elemen Saintifik Dalam Tafsir al-Qur'an: Satu Pengamatan Awal Terhadap Manhaj Zaghlul Najjar Dalam Tafsir Ayat Kawniyyah fi al-Qur'an al-Karim*. Kuala Lumpur: Akademi Penganjian Islam, Universiti Malaya.
- Sidek Baba *et al.*. (2008). *Pemikiran Hamka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Suyuti, 'Abd al-Rahman. (2003). *Al-Durr al-Manthur fi Tafsir al-Qur'an bi al-Ma'thur*. Jil. 14. Kaherah: Dar Hijr.
- al-Syanqiti, Muhammad Amin. (t.t). *Adwa' al-Bayan fi Idah al-Qur'an bi al-Qur'an*. Jilid 8. t.t.p.: Dar al-'Alim al-Fawaid.
- al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (t.t). *al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*. Jil. 2. t.t.p: Dar al-Rasyad al-Hadithah.
- al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali. (1998). *Fath al-Qadir Jami' bayna Fannai al-Riwayah wa Dirayah min 'Ilm al-Tafsir*. Jilid 1, 5. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (t.t). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ayi al-Qur'an*. Jil. 23. t.t.p: Dar Hijr.
- Turi, 'Abd al-Karim. (2009). *Athar al-Zaman 'ala Tafsir al-Qur'an al-Karim, Dirasah Muqaranah bayna Jami' al-Bayan li Tabari wa Tafsir al-Manar li Muhammad Rasyid Rida*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zamakhsyari, Mahmud bin 'Umar. (1998). *Tafsir al-Kasyaf*. Jil. 1, 7. Riyadh: Maktabah al-'Abikan.
- al-Zarkasyi, Muhammad bin 'Abd Allah. (t.t). *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Jil. 1, 2. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim. (1995). *Manahil al-'Urfan fi 'Ulum al-Qur'an*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.
- Zulkifli bin Mohd Yusuf. (2011). *Tafsir Ayat al-Ahkam*. Kuala Lumpur: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd..